

“ 1 MALAYSIA : RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN”

IPTAR/HEP/144/37
Jld. 4 (3)
04 MAC 2010

.....
.....
.....

Melalui,

Guru Besar SK.....

.....
.....

Tuan,

JEMPUTAN KE MAJLIS KONVOKESYEN TAHUN 2010 KURSUS PERGURUAN LEPAS IJAZAH (KPLI) AMBILAN JANUARI 2009 DAN KPLI KDCPK AMBILAN NOVEMBER 2007

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Konvokesyen Tahun 2010 bagi Kumpulan berkenaan akan diadakan pada ketetapan berikut :

Tarikh : 29 April 2010 (Khamis)
Masa : 08.00 pagi – 12.30 tengahari
**Tempat : Dewan Sri Samarahan, IPG Kampus Tun Abdul Razak
Kota Samarahan, Sarawak**
Pendaftaran : 28 April 2010 (Rabu) Jam 10.00 pagi – 01.00 tengahari
Raptai : 28 April 2010 (Rabu) Jam 02.00 Petang

3. Sehubungan itu, tuan / puan dengan hormatnya dijemput untuk menerima Diploma Pendidikan. Bersama-sama ini juga disertakan Lampiran A – Maklumat Lulusan dan Borang jawapan untuk dilengkapisi dan dikembalikan kepada Institut Pendidikan Guru, Kampus Tun Abdul Razak sebelum **31 Mac 2010 (Rabu)** untuk tindakan pihak kami selanjutnya.

4. Untuk makluman tuan / puan, penginapan untuk para graduan dan waris tidak disediakan dan kehadiran raptai adalah **WAJIB**.

Sekian, terima kasih.

**” BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”
” CINTAILAH BAHASA KITA ”**

Saya yang menurut perintah,

(MOHAMMAD BIN LIN)
b.p Pengarah
Institut Pendidikan Guru
Kampus Tun Abdul Razak
Kota Samarahan
SARAWAK

.....KJHEP/sh/sah/2010

**INSTITUT PENDIDIKAN GURU, KAMPUS TUN ABDUL RAZAK
KONVOKESYEN TAHUN 2010
KURSUS PERGURUAN LEPAS IJAZAH (KPLI) AMBILAN JANUARI 2009 DAN KPLI
KDCPK AMBILAN NOVEMBER 2007**

MAKLUMAT UMUM KEPADA PARA GRADUAN

1. KONVOKESYEN :

Tarikh : 29 April 2010 (Khamis)
Masa : 08.00 pagi – 12.30 tengahari
Tempat : Dewan Sri Samarahan, IPG Kampus Tun Abdul Razak, Kota Samarahan, Sarawak

2. PENDAFTARAN DAN RAPTAI :

Tarikh : 28 April 2010 (Rabu)
Masa : 10.00 pagi – 01.00 tengahari
Tempat : Dewan Sri Samarahan, IPG Kampus Tun Abdul Razak, Kota Samarahan, Sarawak
Raptai Lulusan : 02.00 Petang
Pakaian : Rasmi (Pakaian Pejabat)

3. PAKAIAN DAN PENAMPILAN SEMASA KONVOKESYEN

i) Lelaki

- Baju Kebangsaan Lengkap Bersamping (Warna Gelap), dan Songkok Hitam
- Lounge Suit (Warna Hitam) dan tali leher
- Kasut Kulit Hitam
- Stokin Gelap
- Rambut Pendek, Misai dan janggut didandan

ii) Wanita

- Baju Kurung atau Kebaya Labuh atau Pakaian sesuai (Warna Gelap)
- Pakaian kebudayaan, skirt dan seluar panjang tidak dibenarkan
- Tudung Kepala (Warna Putih)
- Kasut Kulit Hitam ('court shoe'), Kasut Sandal tidak dibenarkan

***** Kegagalan mematuhi etika pakaian dan penampilan boleh dihalang daripada menyertai Majlis Konvokesyen**

4. YURAN KONVOKESYEN

- i) Bayaran **RM80.00** perlu dibuat semasa mendaftar. Butiran bayaran seperti berikut :
- | | | | |
|----|----------------|---|------------------------|
| a) | Jubah (sewaan) | - | RM30.00 |
| b) | Folder Diploma | - | RM15.00 (Wajib) |
| c) | Gambar | - | RM25.00 |
| d) | Makan / Minum | - | RM10.00 |
- ii) Bayaran RM15.00 untuk Folder diwajibkan kepada semua lulusan sama ada **HADIR** atau **TIDAK HADIR**. Manakala bayaran yang lain tidak dikenakan sekiranya tidak hadir.
- iii) Bayaran perlu dibuat secara wang pos atau kiriman wang **SEMASA MENDAFTAR**. Wang pos, bayaran dibuat atas nama ” **PENGARAH IPG KAMPUS TUN ABDUL RAZAK** ” . Tuliskan Nama, Kursus dan Ambilan di belakang wang pos berkenaan.

5. PENGAMBILAN DAN PEMULANGAN JUBAH

- i) Jubah boleh diambil semasa hari pendaftaran pada **28 April 2010 (Rabu)**, jam 10.00 pagi hingga 01.00 tengahari, di Foyer Kolej Kediaman Blok E Aras Bawah. Pemulangan pula dibuat selepas majlis konvokesyen ditempat yang sama.
- ii) Diploma dan Sijil diambil selepas pemulangan jubah.
- iii) Diploma dan Sijil hanya akan diberi selepas syarat berikut dipenuhi iaitu jubah telah dipulangkan dan semua hutang dengan Institut (Jika ada) telah dijelaskan termasuk pemulangan buku perpustakaan dan lain-lain.

6. STATUS KEHADIRAN

- i) Borang A yang telah lengkap diisi perlu dikembalikan ke IPG Kampus Tun Abdul Razak atau dihantar secara e-mail ke alamat sam.shibli@ipgmktar.edu.my Sebarang pertanyaan sila hubungi **En. Sam Bin Hj. Shibli** di Unit HEP ditalian **(082-67800 ext 117)**

Institut Pendidikan Guru
 Kampus Tun Abdul Razak
 Kota Samarahan
 SARAWAK
(u.p : Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar)

Tarikh :

Tuan,

STATUS KEHADIRAN KE KONVOKESYEN TAHUN 2010 KURSUS PERGURUAN LEPAS IJAZAH (KPLI) AMBILAN JANUARI 2009 DAN KPLI KDCPK AMBILAN NOVEMBER 2007

Dengan hormatnya merujuk kepada surat tuan bil. IPTAR/HEP/144/37 Jld. 4 (3) bertarikh 04 Mac 2010 adalah berkaitan.

2. Adalah dimaklumkan (Sila tandakan **X** dalam ruangan yang berkenaan)

	Saya akan HADIR tanpa waris
	Saya akan HADIR dengan SATU / DUA (Potong salah satu) orang waris
	Saya TIDAK DAPAT HADIR

3. (Bayaran wang pos / kiriman wang dibuat atas nama ” **PENGARAH, IPG KAMPUS TUN ABDUL RAZAK** ”. Tuliskan Nama, Kursus dan Ambilan di belakang wang pos berkenaan). Saya akan membuat penyerahan bayaran tersebut semasa pendaftaran pada **28 April 2010 (Rabu)**.

	RM30.00 – Bayaran Jubah
	RM15.00 – Folder Diploma (WAJIB)
	RM25.00 – Gambar
	RM10.00 – Makan / Minum

(Sekiranya tidak hadir pembayaran RM15.00 – Folder Diploma boleh dilakukan semasa menuntut sijil di IPG Kampus Tun Abdul Razak)

Sekian, terima kasih.

Saya yang benar,

.....
 (Nama :)